

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, November 21, 2018 7:08 PM
To: UUM - All Staff
Subject: UUM RANGKUL JOHAN DALAM PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2018



21 NOVEMBER 2018, RABU | 13 RABIULAWAL 1440H



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM RANGKUL JOHAN DALAM PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Pasukan Advokasi dan Mut Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dinobatkan sebagai Johan bagi Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2018 yang membawa pulang piala pusingan, trofi iringan dan wang tunai berjumlah RM 2,000.00. Pertandingan tersebut telah diadakan di Universiti Malaya bermula 16 hingga 18 November 2018 dan dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Majlis penyampaian hadiah pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa Maidin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang). Sebanyak lapan pasukan terdiri daripada pusat pengajian dan fakulti undang-undang seluruh Malaysia menyertai pertandingan ini.

Pada pusingan akhir, pasukan UUM yang dianggotai oleh Nurul Nadia Binti Jamal, Nur Adilah Binti Halid, Anis Shakinah Binti Mohd, Ahmad Syahmi Bin Anuar Mahayudin dan Nur Aqilah Mohammad Zaibi yang kesemuanya merupakan pelajar Pusat Pengajian Undang-Undang yang bertindak sebagai peguam bagi perayu dalam kes tuntutan sivil (kecuaihan) telah dipertemukan dengan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertindak sebagai peguam bagi



"Saya percaya usaha yang berterusan dan semangat berpasukan adalah kunci kepada kejayaan kami."
Anis Shakinah

responden. Berkat usaha yang berterusan, akhirnya pasukan UUM berjaya menewaskan pasukan UKM apabila tiga hakim sebulat suara memutuskan rayuan oleh pasukan UUM diterima.

Nurul Nadia yang merupakan salah seorang daripada pasukan UUM berasa sangat bersyukur apabila UUM dinobatkan sebagai Johan bagi pertandingan tersebut. "Saya sangat teruja dan gembira kerana berjaya memecahkan rekod tahun lalu apabila UUM hanya berpuas hati sebagai Naib Johan dalam pertandingan yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia," ujar beliau.

Manakala Anis Shakinah menegaskan, "Saya percaya usaha yang berterusan dan semangat berpasukan adalah kunci kepada kejayaan kami." Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) sempat meluangkan masa dan menyampaikan ucapan penghargaan kepada pasukan UUM. "Kejayaan ini menunjukkan bahawa UUM mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan universiti utama di Lembah Klang," tegas beliau. Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah Encik Muhammad Hafiz bin Badarulzaman, Pengarah Unit Debat, Advokasi dan Oratori Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM.



Unit Media | www.hep.uum.edu.my
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.